

02/01/2003

2003 disambut meriah di seluruh negara

Azmi Md Deros; Ridzuan Yop; Amirullah Andi Nur; Junita Mat Rasid; KUALA LUMPUR, Rabu - Ratusan ribu rakyat di ibu kota dan beberapa bandar utama di seluruh negara membanjiri beberapa tempat utama bagi menyambut tahun baru 2003 dalam suasana penuh meriah.

Tumpuan utama warga kota dan pelancong asing ialah di Menara Berkembar Petronas (KLCC), Dataran Merdeka, Bangsar dan Jalan Bukit Bintang yang dihiasi lampu berwarna-warni.

Sambutan di Esplanade KLCC turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Acara itu turut mencatatkan rekod Guinness Book of World Records apabila 10 ahli payung terjun membuat terjunan dari tingkat 73, bangunan tertinggi di dunia itu.

Ahli payung terjun dari Switzerland, Jerman, New Zealand, Australia, Amerika Syarikat, Croatia dan seorang penerjun Malaysia, Aziz Ahmad, itu membuat terjunan lima minit sebelum detik 12 tengah malam.

Tepat jam 12 tengah malam, kawasan KLCC turut diwarnai dengan percikan cahaya berwarna warni oleh pertunjukan bunga api, yang memukau orang ramai selama kira-kira 10 minit.

Selain KLCC, orang ramai turut memenuhi Dataran Merdeka dan Jalan Bukit Bintang bagi menyambut tahun baru.

Di SHAH ALAM, lebih 10,000 orang memenuhi Dataran Shah Alam bagi menyambut detik 12 malam.

Sambutan Di Ambang 2003 itu bermula sejak jam 9 malam, dengan persembahan nyanyian artis popular tanah air termasuk Ahmad Jais, Azizah Mohamad, Jay Jay, Ramlah Ram, Dahlan Zainuddin, Rohana Jalil, Anis Suraya and Sarah Raisuddin.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Salomon Selamat turut menyertai acara sambutan tahun baru itu.

Di MELAKA, lebih 50,000 rakyat negeri itu dan pelancong asing membanjiri Dataran Sejarah Ayer Keroh seawal jam 6 petang untuk menyambut ketibaan tahun baru 2003.

Pelbagai persembahan dan hiburan disajikan kepada pengunjung dengan paluan kompang menjadi pembuka tirainya sebelum persembahan tarian pelbagai kaum oleh Badan Kesenian Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB).

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isteri, Datin Seri Asmah Abdul Rahman turut menyertai sambutan berkenaan.

Di IPOH, hujan lebat mulai jam 8 malam tidak menghalang beribu-ribu warga bandar raya ini berkumpul di Dataran Ipoh untuk meraikan kedatangan tahun baru 2003.

Mereka mula berkumpul di padang berkenaan seawal jam 7 malam sambil dihiburkan dengan pertunjukan kebudayaan Melayu, India dan Cina serta beberapa artis jemputan.

Hadir sama, Datuk Bandar, Sirajuddin Salleh. Bagaimanapun, hadirin agak kecewa apabila pertunjukan bunga api yang biasanya dipersembahkan, dibatalkan malam tadi.

Di GEORGETOWN, pelbagai persembahan hiburan dan pertunjukan bunga api diadakan menjelang detik jam 12 tengah malam, yang turut dihadiri Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan timbalannya, Datuk Dr Hilmi Yahaya.

Kira-kira 60,000 orang membanjiri Padang Kota Lama, Georgetown, tengah malam semalam bagi meraikan sambutan Tahun Baru 2003, peringkat Pulau Pinang.

DI JOHOR BAHRU, beribu-ribu orang berhimpun di Dataran Bandaraya untuk bersama-sama memeriahkan sambutan tahun baru.

Sambutan berlangsung serentak dengan pelancaran program Melawat Johor Tahun (MJT) 2003 oleh Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Ribuan hadirin termasuk Exco kerajaan negeri juga dihiburkan dengan persembahan nyanyian dan kebudayaan artis tempatan.

Di KOTA KINABALU, kira-kira 10,000 orang termasuk dari luar daerah ini membanjiri kawasan rekreasi serta pantai Tanjung Aru, dekat sini, bagi menyambut tahun baru.

Kawasan rekreasi itu adalah antara beberapa lokasi yang menjadi tumpuan utama penduduk bandar raya untuk menyambut tahun baru setiap tahun.

Turut menjadi tumpuan warga kota ialah Pantai Tanjung Lipat, Likas serta Anjung Selera tidak jauh dari Menara Tun Mustapha, Jalan Meruntum, Putatan dan Anjung Senja.

Pusat peranginan terkenal, Sutera Harbour turut tidak ketinggalan menyambut 2003 dengan menganjurkan program khas makan malam serta pertunjukan bunga api tepat pada jam 12 malam.